



● ENCIK RADZI SHEIKH AHMAD

Pas sokong pindaan, kata Yusof Rawa

KUALA LUMPUR, Rabu — Pas hari ini menyatakan sokongannya kepada sebarang pindaan perlembagaan negara yang mendatangkan kebaikan kepada semua penduduk negara ini.

"Kami menyokong sebarang perlembagaan yang menjamin kesejahteraan dan keselamatan semua pihak," tegas Presiden Pas, Haji Yusof Rawa waktu dihubungi di Pulau Pinang.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas tentang isu pindaan sekarang dengan menyatakan Pas tidak mahu campurtangan dalam hal-ehwal Umno.

Mengenai pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup beliau berkata Pas akan memutuskan sama ada akan menurunkan calonnya atau tidak minggu ini.

Katanya, keputusan akan dibuat dalam

mesyuarat jawatankuasa pusat agung Pas yang akan diadakan dua tiga hari lagi.

Hari penamaan calon bagi pilihanraya kecil itu akan diadakan pada 17 November ini dan sekiranya ada pertandingan, pengundian ditetapkan pada 3 Disember.

Sementara itu dari Alor Star diberitakan Pas akan mengadakan seminar khas dua hari mulai Sabtu ini untuk membincangkan pelbagai isu semasa, termasuk soal pindaan perlembagaan.

Timbalan Presidennya Encik Fadzil Noor berkata hari ini seminar itu akan dihadiri oleh hanya ahli-ahli jawatankuasa agung, dewan-dewan pusat dan harian negeri parti itu.

Katanya, pemimpin-pemimpin Pas akan diberi penerangan mengenai isu pindaan perlembagaan dan pendirian Pas dalam perkara itu.